

Headline	Ingin temu empat anak		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	12 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	6	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	526 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hadzlan Hassan	AdValue	RM 19,352
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,056



Derita pesakit HIV, Aids

# Ingin temu empat anak

>>Oleh HADZLAN HASSAN, SHAMRAN SARAHAN dan NURUL HUSNA MAHMUD

metahad@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: "Setiap kali Ramadan, saya rindukan anak. Saya harap sangat dapat bertemu mereka menjelang Aidilfitri, walaupun sekali, sebelum saya menghembuskan nafas terakhir," kata Nur Haina Muhammad, 59 (bukan nama sebenar) ketika ditemui di Rumah Solehah, sebuah pusat penjagaan penghidap Aids di sini, baru-baru ini.

Haina yang lima tahun disahkan menjadi pembawa HIV berkata, dengan usia makin lanjut dan sampai di penghujung, dia berharap sangat untuk bertemu empat anak kandungnya bagi melepaskan rindu.

"Sudah terlalu lama saya tak jumpa anak, saya minta mereka jangan lupakan saya.

"Saya tak pasti umur masih panjang atau tidak. Dengan penyakit dihidapi, saya takut kalau sampai masanya tak dapat berjumpa mereka.

"Tambahan pula dua rakan saya yang juga penghidap Aids sudah

dijemput Ilahi, menyebabkan saya kini menghitung hari menunggu detik hilang nyawa," katanya yang berasal dari utara Semenanjung.

Sehingga kini, hampir enam bulan Haina di bawah jagaan Rumah Solehah selepas dipindahkan dari Hospital Melaka. Dia dijangkiti kuman HIV daripada suami kedua yang dikahwininya pada 2005.

Menurutnya, dia mengetahui dijangkiti HIV selepas suami meninggal dunia pada 2007.

"Saya tahu dia (suami) menghidap Aids disebabkan seks bebas. Selama berkahwin, saya tak tahu pun dia kaki perempuan.

"Lima tahun bersama suami, rupa-rupanya saya dijangkiti kuman HIV. Apapun, saya terima sebagai takdir," katanya.

Ketika ditemui, Haina kelihatan terlalu kurus tetapi mengakui tenang dan gembira berada di bawah jagaan Rumah Solehah.

Begitupun, setiap kali ditanya, Haina hanya mengulang semula jawapan dan berkata, dia tidak marahkan anaknya kalau hendak

membencinya.

"Saya rindu mereka, mana ada ibu tak ingat anaknya. Cuma anak tiri pernah jumpa saya, tapi kalau boleh biar anak kandung datang

bertemu," katanya.

Haina berkata, suami pertamanya meninggal dunia akibat penyakit tibi, dan tidak lama selepas itu dia berkahwin dengan suami keduanya yang juga mekanik.

Bersama suami keduanya yang mempunyai dua anak, dia pernah sekali mengalami keguguran.

"Yang lepas tu, biarkan. Saya tak mahu kenang lagi cerita lama sehingga terpaksa menanggung derita begini. Saya hanya mahu menghabiskan sisa-sisa hidup di sini. Tiada apa lagi yang boleh saya harapkan," katanya.

Sepanjang di Rumah Solehah, Haina banyak diajar melakukan amal ibadat, termasuk mengaji al-Quran.

Pada masa lapang, dia bersama enam pembawa HIV lain menghabiskan masa membuat kerja rumah.

## Fakta HIV/Aids

- Aids merujuk kepada Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit atau dalam bahasa Inggerisnya Acquired Immune Deficiency Syndrome

- Penyakit serius ini disebabkan virus HIV (Human Immunodeficiency Virus)

- Virus HIV yang menyerang akan memusnahkan daya ketahanan badan

- Sistem pertahanan badan tidak berfungsi menjadikan pesakit mudah dijangkiti bakteria dan virus lain yang boleh menyebabkan sakit teruk

- Tanda penyakit Aids ialah terlalu lemah dan lesu, penurunan berat badan mendadak, kerap demam panas, peluh malam, kelenjar limfa membengkak, ruam kulit dan ulser pada permukaan mukosa, cirit-birit dan batuk kronik, hilang ingatan dan jangkitan teruk.

- Kuman HIV disebarkan melalui hubungan seks tanpa kondom, menerima darah tercemar, berkongsi jarum suntikan dadah dan daripada ibu kepada anak ketika mengandung, melahirkan atau menyusu.

Headline	Ingin temu empat anak		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	12 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	6	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	526 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hadzlan Hassan	AdValue	RM 19,352
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,056



**FADZILAH...** berusaha mencari anak Haina.

## Mahu tunaikan impian pesakit

**K**UALA LUMPUR: Menunaikan impian Haina bertemu anaknya adalah 'ubat' mujarab yang dapat membantu menghilangkan tekanan mental dan perasaan warga emas itu.

Exco Pelatih di Rumah Solehah, Fadzilah Abd Hamid berkata, pihaknya berusaha menunaikan permintaan Haina dan kini menjejaki anak kandungnya.

Katanya, setakat ini beliau hanya berjaya menghubungi anak tiri Haina yang pernah mengunjungi wanita itu.

"Begitupun, lebih elok jika anak kandung datang berjumpa. Ia juga ibarat terapi minda kepada Haina supaya tidak tertekan dengan penyakit dihidapinya.

"Sedikit sebanyak, jika hajat Haina dapat ditunaikan nanti, ia akan mengurangkan penderitaannya," katanya.

Beliau berkata, ramai pembawa virus HIV menghadapi tekanan mental kerana ia tidak saja mengganggu fizikal pesakit, bahkan mental mereka.

"Sebab itu, peranan keluarga sangat penting. Setidak-tidaknya ia memberi harapan kepada penghidap penyakit ini," katanya.

Fadzilah berkata, di Rumah Solehah, selain diberi pengajaran agama dan rohani, penghuni diajar berdikari, menjaga tingkah laku dan kebersihan diri.

"Jika keluar dari rumah ini, kita mahu mereka bukan saja bersedia dari segi rohani, bahkan boleh berdikari dan tidak menyusahkan orang lain," katanya.

Rumah Solehah yang terletak di Kampung Pandan, di sini, adalah projek di bawah naungan Persatuan Perubatan Islam Malaysia. Mereka juga memiliki rumah sama untuk pembawa HIV kanak-kanak di Cheras.

Headline	Ingin temu empat anak		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	12 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	6	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	526 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hadzlan Hassan	AdValue	RM 19,352
Frequency	Daily	PR Value	RM 58,056



**BELAJAR...** Nur Haina (dua dari kanan) bersama penghuni Rumah Solehah dibimbing tenaga pengajar.